

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
KAWASAN : PENSIANGAN
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)**

SOALAN :

YB TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah cadangan untuk memanjangkan rangkaian Lebuh Raya Pan Borneo ke daerah Keningau, Sook dan Nabawan di kawasan pedalaman Sabah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semakan Kementerian Kerja Raya dan JKR Sabah mendapati bahawa jalan yang dimaksudkan, iaitu dari pekan Keningau Nabawan dengan melalui Sook, merupakan jalan negeri. Sehubungan itu, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sabah tidak melibatkan kerja-kerja naik taraf jalan tersebut. Kementerian akan panjangkan perkara ini kepada Kerajaan Negeri untuk penilaian dan pertimbangan selanjutnya, yang mana sebarang keputusan naik taraf jalan tersebut akan diputuskan oleh Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL
HAMID [KAPAR]
TARIKH : 08 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 17

Y.B. TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID [KAPAR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah wang yang telah dibayar oleh Kerajaan bagi melangsaikan hutang 1MDB.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan bagi tempoh April 2017 hingga Mei 2019 telah menyalurkan bantuan kewangan kepada 1Malaysia Development Bhd (1MDB) sebanyak kira-kira **RM8.93 bilion** melalui Kementerian Kewangan dan syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) bagi tujuan pelunasan bayaran faedah pinjaman dan bayaran penyelesaian kepada International Petroleum Investment Company (IPIC).